

# **PEMEROLEHAN MORFOLOGI DAN SINTAKSIS KANAK-KANAK MELAYU**

*Mashudi Kader  
Tan Hock Thye*

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan pemerolehan morfologi dan sintaksis awal kanak-kanak Melayu dari umur 15-24 bulan. Beberapa anggapan daripada teori pemerolehan bahasa sebagai bahasa pertama telah digunakan sebagai dasar penelitian ujaran kanak-kanak Melayu. Perbincangan tertumpu kepada peringkat yang dilalui oleh kanak-kanak seperti ujaran satu suku kata dua kata, dan peringkat ujaran tiga kata dan akhirnya ujaran yang melebihi tiga kata. Pada setiap peringkat, sifat utama yang muncul ada kaitannya dengan pertumbuhan kognitif kanak-kanak.

## *Abstract*

*This article describes the early acquisition of morphology and syntax among the Malay children between 15–24 months old. Several assumptions on the theory of language acquisition as the first language have been adopted. The discussion focuses on the stages through which the children feel, such as the expression of single syllable, the two words, the three words, and the more than three words. It appears that the existence of the main characteristics in each stage is related to the cognitive development of the children.*

## **PENDAHULUAN**

Makalah ini menyentuh pemerolehan kata dan ayat pada kanak-kanak Melayu Pulau Pinang dalam lingkungan umur 15 bulan hingga 24 bulan. Enam orang kanak-kanak Melayu Pulau Pinang telah diuji; tiga daripadanya lelaki (satu pasang anak kembar) manakala tiga yang lain perempuan. Empat

orang daripada mereka berusia 16 bulan, seorang 18 bulan dan seorang lagi 19 bulan sewaktu kajian ini dijalankan. Makalah ini bertujuan untuk mengetahui urutan pemerolehan bahasa ibunda kanak-kanak Melayu dalam aspek morfologi dan sintaksis pada tahap awal.

Yang berikut ialah maklumat tentang kanak-kanak yang diuji dan hal lain yang berkaitan dan dianggap dapat membantu pemahaman perkembangan pemerolehan morfologi dan sintaksis kanak-kanak tersebut. Lampiran A ialah maklumat tentang ibu bapa kanak-kanak yang diuji manakala Lampiran B ialah maklumat tentang kanak-kanak yang diuji yang perkembangan bahasanya diselidiki. Maklumat pada Lampiran A mencatat jenis bahasa di rumah, sifat kebahasaan ibu bapa (iaitu bercakap banyak atau pendiam), kekerapan ibu bapa bersama-sama dengan kanak-kanak yang diuji, pencapaian pendidikan ibu bapa, bahasa yang digunakan dengan kanak-kanak yang diuji, bahasa ibu bapa dengan ahli keluarga lain serta pekerjaan ibu bapa. Maklumat pada Lampiran B pula meliputi usia pada waktu permulaan kajian, tempat tinggal (bandar atau kampung), sama ada bersekolah di Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika) atau tidak, kedudukan dalam keluarga, pola pergaulannya dengan anak jiran dan tempat bermain, penjagaan pada waktu ibu bapa tidak berada di rumah, sifat semula jadi (pemalu, periang dll.) dan sifat tertentu seperti dilahirkan kembar atau lebih awal daripada 9 bulan. Maklumat ini hanya digunakan apabila kolerasi antara hal ini dengan pencapaian tidak dibuat di sini. Sebaliknya, tumpuan adalah pada perkembangan data linguistik sahaja.

## **ANGGAPAN DAN DASAR KAJIAN**

Beberapa teori tentang pembelajaran secara am telah diutarakan dalam makalah, buku, dan kertas edaran. Perbincangan yang banyak telah diadakan baik yang tertutup mahupun terbuka seperti seminar dan persidangan. Teori pembelajaran yang dibincangkan itu berkisar daripada yang berlandaskan behaviorisme (atas dasar rangsangan dan gerak balas yang bersandarkan faktor luaran) yang dipelopori oleh ahli psikologi behaviorisme seperti B.F. Skinner dan Pavlov kepada teori yang berdasarkan psikologi-kognitif seperti yang diutarakan oleh Piaget (1952) dan juga oleh Vygotsky (1962). Daripada teori pembelajaran di atas, ahli bahasa cuba memanfaatkan dan menerapkannya ke dalam pembelajaran bahasa terutamanya sebagai bahasa pertama. Hal ini bermaksud bahawa ahli bahasa cuba mengimport ilmu pengetahuan bidang lain terutamanya psikologi untuk menerangkan fenomena pembelajaran dan pemerolehan bahasa pertama. Hal seperti ini termasuklah teori pembelajaran dan pemerolehan bahasa yang dipelopori oleh Noam Chomsky (1975) dan rakan seangkatan dengannya

atau peluasan teori Noam Chomsky yang secara luas disebut sebagai Teori Hipotesis-Kognitif-Semula Jadi yang juga bersandarkan teori psikologi kognitif dan anggapan kehadiran “... *an innate language acquisition device.*” (lihat Stich ed. 1975). Antara teori psikologi yang biasa digunakan bagi maksud seperti ini ialah teori psikologi Piaget (walaupun bagi sesetengah ahli bahasa seperti Halliday, teori psikologi Piaget tidak ada kaitan dengan pemelajaran dan pemerolehan bahasa) dan teori psikologi Vygotsky (yang lebih sejajar dengan bahasa).

Terdapatkah teori pemelajaran bahasa pertama yang didasarkan pada bahasa sahaja? Michael Halliday (1989) membincangkan teori pemelajaran bahasa yang didasarkan pada pemerhatian teliti terhadap cara kanak-kanak memperoleh bahasa. Tidaklah diketahui sama ada teori ini benar-benar mengenyahkan dapatan bidang psikologi dalam pemelajaran. Daripada pemahaman kami terhadap teori yang diutarakan oleh Halliday (1989), pemerhatian merupakan gelanggang utama manakala aspek psikologi sebagai sesuatu yang sedia wujud.

Dengan keadaan iklim teori yang begitu rupa, kajian ini menerima beberapa anggapan sebagai dasar:

1. (a) Keupayaan berbahasa pada kanak-kanak adalah semula jadi.  
(b) Keupayaan yang semula jadi itu digerakkan oleh data linguistik primer yang ekstrinsik.  
(c) Data linguistik primer ini diamati oleh kanak-kanak dan ber-pandukan matriks sangat yang semula jadi padanya, serta melalui proses generalisasi kanak-kanak akan memilih (daripada data linguistik yang ada di hadapannya) fitur tertentu dalam matriks sangat yang sesuai dengan data linguistik yang ada di hadapannya; dia mungkin menggunakan *Language acquisition device* Chomsky dan angkatannya; atau mungkin juga melalui strategi pemerolehan bahasa (Halliday, 1989).  
(d) Model pemerolehan bahasa kanak-kanak ialah kecekapan linguistik bahasa orang dewasa. (Tentuny berdasarkan data linguistik primer.)

## KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Data mengenai ujaran kanak-kanak dikutip dengan mengadakan lawatan ke rumah kanak-kanak sekerap empat kali sebulan; iaitu, sekali seminggu dan selama satu jam bagi satu pemerhatian. Ujaran kanak-kanak dirakamkan ke dalam perakam kaset mini. Barang mainan juga diberikan kepada kanak-kanak untuk menghiburkan mereka dan memungkinkan kanak-kanak bertegur sapa dengan penyelidik. Kaedah sedia kala digunakan semasa

mengumpul data ujaran kanak-kanak. Melalui kaedah ini, semua urusan harian di rumah kanak-kanak dapat berjalan seperti biasa. Kanak-kanak yang diperhatikan bebas melakukan apa-apa sahaja yang disukai olehnya.

Penerangan kaedah yang menyebabkan kanak-kanak menghasilkan sesuatu ujaran dirakamkan serentak dengan ujaran kanak-kanak. Di samping itu, kami mencatat penerangan itu pada buku catatan. Dengan cara begini, setakat ini ujaran yang kami peroleh terdiri daripada ujaran spontan dan ujaran akibat dorongan.

## LAPORAN PEMERHATIAN

Data yang diperoleh ketika kanak-kanak itu berusia 16–19 bulan hingga 26 bulan menunjukkan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu melalui peringkat tertentu, iaitu:

- Meninggalkan peringkat agahan “lalaan” dan kata “idiomorf”.
- Memulakan peringkat ujaran satu kata.
- Memulakan peringkat ujaran dua kata.
- Memulakan peringkat ujaran tiga kata dan lebih daripada itu.

## MENINGGALKAN PERINGKAT AGAHAN “LALAAN” DAN KATA “IDIOMORF”

Empat kanak-kanak yang diuji yang berusia 16 bulan pada waktu kajian dimulakan, seorang berusia 18 bulan, seorang lagi 19 bulan.

Pada peringkat usia 16 bulan, kanak-kanak mula meninggalkan peringkat agahan dan memulakan pengujuran yang terdiri daripada satu kata dan frasa pendek; iaitu di samping agahan, terdapat juga ujaran satu kata atau dua kata yang dimudahkan. Kedua-dua fenomena itu bertindan. Yang berikut ialah contoh ujaran yang dikutip:

Nama	Agahan	Satu kata
Aizamin	tatata, awuwa	bang tu
Usaid	nənənən	na? tu pi
Zaki	nana, cucuwuci	bah
Ubaid	titititi tatata	ma? na? tu

Pada peringkat ini agahan yang bermula agak awal [kira-kira enam bulan, Cairns dan Cairns (1976)] kelihatan masih diteruskan, akan tetapi agahan itu jelas lebih kompleks, iaitu kalau agahan awal biasanya terdiri daripada satu suku kata yang berstruktur V dan KV, agahan pada peringkat 16 bulan mempunyai sekurang-kurangnya tiga suku kata, KVVKV misalnya *titi*, *nənənə*. Seterusnya, ada kecenderungan bagi kanak-kanak yang diuji mengujar ujaran satu kata misalnya *pi* (pergi), *bah* (ayah), *ma?* (emak). Kata yang diujar itu pula mempunyai struktur KV dan KVK, misalnya tu dan bah. Dalam kerangka Halliday (1989), pada waktu ini kanak-kanak berada pada peringkat perubahan daripada sistem simbolik kepada semiotik; iaitu kanak-kanak mula menyusun sistem simbol menjadi wakil simbol dengan maksud cuba menghubungkan simbol dengan

Nama	Usia					
	17 bulan	18 bulan	19 bulan	20 bulan	21 bulan	22 bulan
Durar	-	-	-	<i>tohtoh</i> <i>pəpəpə</i>	-	-
Nur		e	əhuhu	i ah:	tukə tukə ha	<i>tutitu</i> <i>yeye</i>
Aizamin	<i>ah:</i> <i>bəbəbəbə</i> <i>yahyah</i>			<i>owau wau</i> <i>yo? bin</i> <i>yo? bin</i> <i>to? da?</i> <i>to? da?</i>	-	
Zaki	<i>wuuuweye-</i> <i>yeyebe</i> <i>becə bebe-</i> <i>be buma</i> <i>cə mau</i>	əh	əm:əm:əm:  <i>wu:wu:wu:</i>	<i>yahyah</i>	<i>yeyeye</i> <i>mamabibibibi</i> <i>bababababa</i> <i>bibibe</i> <i>teɪteɪteɪ</i> ...əh <i>mama</i> əh	-
Ubaid	<i>titi</i> <i>tatata</i>	<i>ya ya i:</i>	<i>tə tə</i> <i>yah yah</i>	-	-	-
Usaid	i:iij					

rujukan. Agahan yang masih kekal itu pun memainkan peranan sebagai “kata” yang mempunyai rujukan kerana didapati setiap kali kanak-kanak itu menghasilkan agahan kelihatan mereka ingin mengatakan sesuatu dengan ibu bapa masing-masing. Namun makna dan rujukan agahan itu dapat dikesan hanya dalam konteks agahan itu dihasilkan. Agahan seperti ini pernah dinamai kata idiomorf Reich, (1986). Agahan ini digunakan mungkin atas strategi tertentu; dan kelihatan kanak-kanak menjadikannya tempat sandaran; iaitu apabila kanak-kanak tidak berkeyakinan bahawa dia akan mengagah dan apabila dia yakin, dia akan mengujar kata atau bahagian kata bagi rujukan tertentu.

Penelitian terhadap data ujaran kanak-kanak menunjukkan berbagai-bagi agahan masih wujud sehingga salah kanak-kanak berusia 22 bulan. Yang berikut dicatatkan corak agahan yang dikutip:

Data di atas menunjukkan bahawa pada Zaki (lelaki) dan Nur (perempuan) agahan yang polisilabik terus diamalkan pada waktu 21 dan 22 bulan, manakala telah lenyap pada masa itu dalam kes empat kanak-kanak yang lain. Dalam kes kanak-kanak kembar (Ubaid dan Usaid), agahan lenyap pada usia 20 bulan. Tingkah laku di atas mendorong kami beranggapan bahawa seolah-olah ada hubungan dengan hal sifat kembar pada Ubaid dan Usaid – iaitu agahan lambat dan tidak giat.

## **PEMEROLEHAN UJARAN SATU KATA**

Ujaran satu suku kata pada mulanya bertindih dengan agahan lanjutan. Kerap kali agak sukar dipastikan sama ada ujaran itu sebenarnya kata atau “agahan ala kata”. Namun berdasarkan konteks, penyelidik dapat memastikan dan membezakan sama ada ujaran itu agahan atau kata yang mempunyai rujukan tertentu.

Bermula dari peringkat usia 16 bulan, kanak-kanak memperlihatkan pengujaran yang mengujarkan ujaran satu kata; dan kecenderungannya pula ialah sebutan suku kata yang terakhir sahaja; (suku kata awal ditinggalkan) dan suku kata itu berstruktur suku kata (V) KV atau (V) KVK

Pemerhatian ini selaras dengan pernyataan Slobin (1971), bahawa kanak-kanak menumpukan perhatian pada bahagian akhir sesuatu kata. Pemerhatian ini kelihatan berkaitan dengan hakikat bahawa dalam bahasa Melayu, tekanan utama pada kata adalah pada suku kata kedua (jika dua suku kata) dan pada suku kata terakhir (jika kata itu polisilabik). Dengan demikian, pemerhatian ini mungkin bersifat sejagat dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak.

Yang berikut ialah contoh ujaran satu kata pada suku kata akhir sahaja:

Durar	<i>tu</i>	'itu'	;	<i>atoh</i>	'jatuh'
				<i>tah</i>	'buka'
Nur	<i>tu</i>	'itu'	;	<i>ka?</i>	'kakak'
				<i>bah</i>	'abah'
Aizamin	<i>tu</i>	'itu'	;	<i>do?</i>	'duduk'
				<i>wah</i>	'bawah'
Zaki	<i>ma</i>	'emak'	;	<i>ame</i>	'ambil'
				<i>boh</i>	'bubuh'
Ubaid	<i>tu</i>	'itu'	;	<i>cah</i>	'pecah'
				<i>ka?</i>	'kakak'
Usaid	<i>tu</i>	'itu'	;	<i>lom</i>	'belum'
				<i>ka?</i>	'kaka?'

Sifat kecenderungan menyingkatkan kata pada suku kata akhir seperti ini terus menjadi satu ciri ujaran kanak-kanak sepanjang usia mereka hingga 26 bulan. Namun demikian bilangannya semakin berkurangan dengan peningkatan usia; dan kata penuh mula mengambil alih tempat kata tersebut. Ada kata penuh yang mula kelihatan sejak akhir usia 17 bulan lagi. Keadaan pertindanan ini menjadi ciri utama sistem bahasa kanak-kanak pada peringkat ini.

Antara contoh kata penuh yang dikutip adalah seperti yang berikut:

Nama	Usia					
	19 bulan	20 bulan	21 bulan	22 bulan	23 bulan	24 bulan
Durar	<i>to?</i> (datuk) <i>ma?</i>	<i>ayah</i> <i>ma?</i> (emak)	<i>abit</i> (rabbit)	<i>pakci?</i> <i>ota?</i> (buka)	<i>boya</i> (bola)	<i>tuwih</i> (kuih) <i>tam</i>
Durar	(emak)	<i>tutu</i> (susu) <i>cucu</i> (susu)				(jam)
Nur	-	<i>tu</i> <i>ma?</i>	<i>atu</i> (itu) <i>na?</i> (hendak)	<i>iyu</i>	<i>awa?</i> 'kasut' <i>kaka?</i>	<i>ma?</i>

PEMEROLEHAN MORFOLOGI DAN SINTAKSIS KANAK-KANAK MELAYU

Nama	Usia					
	19 bulan	20 bulan	21 bulan	22 bulan	23 bulan	24 bulan
Aizamin	<i>mau</i> do?	<i>na?</i> <i>baŋ</i>	<i>min</i> (nama) <i>abang</i>	<i>ičt</i> (telur) giget	<i>lɪččd</i> <i>ʃbaŋ</i>	<i>caket</i> (sakit) <i>giget</i> <i>ini</i> <i>dukun</i> (dukung)
Ubaid	<i>na?</i> <i>amau</i> (tidak mahu)	<i>cin</i> (kencing) <i>tu</i>	-	<i>na?</i> (hendak)	<i>pah</i> (sampah) <i>lat</i> (cokelat) <i>bes</i> (habis)	-
Usaid	<i>na?</i> <i>au</i> (amau)	<i>tu</i> <i>ni</i>	-	<i>buwa</i> (buang) <i>lom</i> (belum)	-	-

Daripada data ini dan interaksi penyelidik dengan kanak-kanak yang diuji, beberapa pemerhatian dicatatkan:

2. (a) Biasanya kata diberi rujukan tertentu; akan tetapi ada kalanya diberi rujukan peluasan; misalnya; *ka?* “kakak” atau “kita” ialah juga “memasang balik sesuatu yang telah rosak”.

*bah* “abah” atau bermaksud membuat sesuatu yang baru, atau menamai sesuatu mainan.

*pah* “sampah”, “seseorang yang pergi membuang sampah” bukan sampah itu sendiri.

<i>'nano?'</i>	<i>,</i>	<i>'nyamuk'</i>	<i>,</i>
<i>'abit'</i>	<i>,</i>	<i>'arnab'</i>	<i>,</i>

- (b) Kata yang diujar berkait rapat dengan pengalaman mereka. Pemerhatian ini selaras dengan pemerhatian Piaget (1952), bahawa perkembangan kemahiran berbahasa bagi kanak-kanak bergantung pada pengalaman melalui interaksinya dengan objek dan orang di sekelilingnya; misalnya *buwan* (sewaktu membuang barang mainannya).

(c) Kata nama (KN), kata kerja (KJ) dan kata penunjuk (PEN) merupakan tiga golongan kata yang kerap diujar oleh kanak-kanak yang diuji. Sebaliknya kata sifat dan kata bilangan agak kurang diujar; iaitu hanya tiga daripada enam kanak-kanak yang mengujar kata sifat. Antara kata sifat itu pula, kata warna sukar “diperoleh” secara spontan oleh kanak-kanak yang diuji. Kelihatan mereka dapat mengujar kata jenis ini hanya apabila diminta secara sengaja oleh keluarganya; misalnya warna merah. Kata bilangan pula hanya timbul apabila diminta oleh orang lain. Setakat usia 24 bulan, tidak ada sebarang kata bilangan yang didapati dalam ujaran spontan mereka, walaupun terdapat ujaran berturutan, misalnya atas dorongan ibu bapa.

Kata sifat abstrak pula mula timbul hanya apabila usia kanak-kanak 20 bulan; itu hanya pada – Aizamin. Pada lima kanak-kanak yang lain, kata sifat jenis ini belum timbul. Antara yang sudah hadir ialah:

Aizamin	<i>takot</i>	(20 bulan)
	<i>busu?</i>	(22 bulan)
	<i>gatai</i>	(22 bulan)
	<i>caket</i>	(24 bulan)

(d) Kata nafi, mula timbul semenjak kanak-kanak berusia 18 bulan:

Aizamin	(20 bulan): <i>amau</i>	(tidak mahu)
Nur	(18 bulan): <i>iye?</i>	(bukan)
Durar	(21 bulan): <i>nana?</i>	(tak mahu)
Ubaid	(18 bulan): <i>amau</i>	(tak mahu)
Usaid	(18 bulan): <i>amau</i>	(tak mahu)

Sebaliknya, kata tanya “WH” hanya mula timbul selepas 20 bulan:

Durar	(20 bulan): <i>ana</i>	(mana)
Zaki	(24 bulan): <i>mana</i>	(mana)
Nur	(25 bulan): <i>em</i>	(intonasi tanya)

Pada kanak-kanak yang lain, kata tanya WH masih belum muncul lagi pada peringkat usia 20 bulan.

Kehadiran data seperti ini menunjukkan ada kecenderungan kanak-kanak memperoleh kata yang konkret dahulu daripada yang abstrak. Hal ini sesuai dengan kerangka Halliday (1989) yang disebutnya sebagai pergerakan simbol ikonik (peringkat dua) kepada

sistem simbolik (→ semiotik) dan kepada simbol bukan ikonik (peringkat empat). Hal ini juga mirip kerangka Piaget (1952) bahawa perkembangan kognitif daripada konkrit kepada yang abstrak.

Walaupun demikian, tanpa menggugat kerangka di atas ada kes kata sifat yang abstrak yang cepat diperoleh kanak-kanak (satu kes), kerana kata sifat itu melibatkan peribadi kanak-kanak. Antaranya ialah:

<i>takot</i>	‘takut’	;	<i>busu?</i>	‘busuk’
<i>gatai</i>	‘gatal’	;	<i>caket</i>	‘sakit’

- (e) Kanak-kanak kurang memperlihatkan kecenderungan untuk mengulang ujaran orang dewasa.
- (f) Ada kata yang diperoleh awal (16 bulan), tetapi hilang seketika, dan muncul semula empat bulan kemudian. Fenomena ini tidak lumrah, misalnya hanya pada kata *mama* dan bagi satu kes sahaja.
- (g) Tidak kelihatan sebarang proses morfologi sehingga kanak-kanak berusia 28 bulan.

## PEMEROLEHAN UJARAN DUA KATA

Tentang pemerolehan ujaran dua kata pada kanak-kanak yang dikaji, dua perkara menarik perhatian kami:

- (a) Tingkah laku pemerolehan.
- (b) Sifat linguistik ujaran.

Dalam aspek tingkah laku pemerolehan, kami perhatikan bahawa kemunculan ujaran dua patah perkataan berlaku pada tahap usia yang berbeza-beza; misalnya pada seorang kanak-kanak perempuan, ujaran itu bermula pada usia 17 bulan, pada tiga orang kanak-kanak (dua lelaki dan seorang perempuan), ujaran tersebut muncul ketika usia 20 bulan. Namun demikian dalam semua kes, ujaran jenis ini wujud ketika kanak-kanak yang diuji itu berusia 24 bulan. Perkembangan seperti ini pada kanak-kanak Melayu sejajar dengan kajian yang pernah dilaporkan oleh McCarthy (1954).

Kemajuan yang berbeza-beza pada kanak-kanak yang berlainan seperti di atas mungkin berkaitan dengan ciri-ciri penggunaan bahasa dan sifat kebahasaan individu di sekitar kanak-kanak tersebut. Misalnya kes Aizamin yang pergi ke Tadika waktu pagi manakala sewaktu di rumah dia dikelilingi

oleh dua orang kakaknya, seorang abangnya dan ibu bapanya yang agak banyak bercakap.

Ubaid dan Usaid tidak ke Tadika; (sebaliknya hanya tinggal di rumah bersama ibu dan kakaknya).

Kes Durar agak berbeza kerana kanak-kanak ini mula diperhatikan hanya ketika berusia 19 bulan. Oleh itu dalam kes ini, ujaran dua kata mungkin telah muncul pada peringkat usia 17 bulan.

Juga diperhatikan bahawa kemunculan ujaran dua kata tidak bergantung pada banyaknya jumlah perkataan (perbendaharaan kata) yang telah diperoleh pada sesuatu tingkat usia, yakni, walaupun perbendaharaan kata-nya hanya sedikit (dalam lingkungan 15 patah perkataan), kanak-kanak sudah mula melangkah ke peringkat ujaran dua kata. Dalam tiga kes kanak-kanak yang dikaji, mereka hanya mempunyai tidak lebih daripada 15 patah perkataan (misalnya terdiri daripada kata penunjuk *tu, ni*; kata nama *kak, abang, kereta, kucing*; kata kerja seperti *mari, main, minum, kacau, duduk, buat* dan kata sifat seperti *habis, sakit, gatal, panas*), akan tetapi mereka telah mempunyai ujaran dua kata. Dalam dua kes kanak-kanak yang dikaji yang dilahirkan kembar (Ubaid dan Usaid) mereka hanya menghasilkan ujaran dua kata pada usia 19 bulan; ini pun kerana mereka terdesak untuk menyatakan satu maksud sahaja – “hendak makan cokelat.” Ujaran dua kata tidak timbul lagi sehingga mereka berumur 20 bulan. Dalam satu kes, ujaran seperti ini hanya mula hadir ketika kanak-kanak itu berusia 20 bulan, iaitu Nur.

Satu perkara yang menarik ialah pemerhatian di atas agak berlainan daripada kajian Smith (1926) yang mengatakan bahawa lazimnya ujaran dua kata tidak berlaku sehingga kanak-kanak sudah memperoleh sekurang-kurangnya 100 patah perkataan.

Tentang ujaran itu sendiri, dapat diperhatikan beberapa sifat seperti yang berikut:

3. (a) Terdapat jeda antara kata pertama dengan kata kedua
- (b) Struktur
  - (i) (N) K (N)
  - (ii) (p) N (p)
  - (iii) K p
  - (iv) K K (Prt)
  - (v) Tan K  
N  
P
  - (vi) N N (Prt)  
kd K

- (vii) Naf      K      (Prt)  
 N    =    Nama;  
 p    =    Penunjuk;  
 kd   =    Kata depan;  
 Naf =    Nafi;  
 K    =    Kerja;  
 Prt =    Partikel;  
 Tan =    Tanya

Yang dimaksudkan dengan jeda dalam ujaran kanak-kanak ialah kehadiran jeda pada ruang antara ujaran dua kata, misalnya:

*nom ... ni* (jeda)  
*ta ... ini*

Fenomena ini terdapat pada dua kes, pertama Zaki; sewaktu usianya 21, 22 dan 23 bulan, dan kedua Aizamin ketika usianya 21 bulan. Ujaran dua kata yang berjeda ini hadir bersama-sama dengan ujaran dua kata tanpa jeda. Mengikut hemat kami, jeda ini mempunyai kepentingan kognitif dan linguistik yang tertentu; iaitu proses pemikiran kanak-kanak yang dikaji serta satu manifestasi *hollow phrase*. Satu bukti mengenainya ialah kes *abang ... itu* yang digunakan sewaktu subjek memberitahu abangnya bahawa *di situ ada kucing*. Oleh yang demikian, ia merupakan manifestasi fonetik bagi bentuk dalaman yang mungkin berupa “abang, di situ ada kucing.” Seterusnya, berdasarkan strategi ini, *nom ... ni* ialah manifestasi, “Saya mahu minum ini”, dan *ta ... ini* (yang diujar sewaktu bermain kereta) ialah “Saya bermain dengan kereta ini.”

Menyentuh struktur pula, pada jangka waktu kajian sembilan bulan pertama, kanak-kanak yang dikaji telah memperlihatkan struktur ujaran dua kata seperti yang berikut:

4. (a) Kes (N) K (N) ialah:

- |      |                 |                      |
|------|-----------------|----------------------|
| N-K: | <i>ka? mai</i>  | ‘kakak datang’       |
| N-K: | <i>bang do?</i> | ‘abang duduk’        |
| N-K: | <i>mama le?</i> | ‘emak (sudah) balik’ |

Atau

- |      |                 |               |
|------|-----------------|---------------|
| K-N: | <i>na? bebi</i> | ‘hendak baby’ |
| K-N: | <i>na? ayah</i> | ‘hendak ayah’ |
| K-N: | <i>na? tutu</i> | ‘hendak susu’ |

(b) Kes (p) N (p) ialah:

P N:	<i>tu bang</i>	“kucingnya itu, abang”
N P:	<i>bang tu</i>	“abang kucingnya itu”
P N:	<i>ini ayam</i>	“ini ayam”
P N:	<i>ini t ta</i>	“ini kereta”

(c) Kes K Pen ialah:

<i>na? ni</i>	“hendak cokelat ini”
---------------	----------------------

(d) Kes K K (Prt) ialah:

K K:	<i>na?</i>	<i>maen</i>	“mahu bermain”
K K:	<i>na?</i>	<i>boh</i>	“mahu meletakkan”
K K:	<i>na?</i>	<i>bum</i>	“hendak tidur”
K K Prt:	<u><i>na?</i></u>	<u><i>makan</i></u>	“hendak makan hanya ke” (ibu bapa orang Terengganu)

(e) Kes N N (Prt):

kd	N	
N	K	Prt

N N:	<i>ma?</i>	<i>ayah</i>	“emak dan ayah”
		<i>tata ayah</i>	“ayah saya”
			(kakak memanggil dirinya <b>tata</b> )

Kd N:	<i>ka?</i>	<i>cana</i>	“di sana”
			(subjek ini tidak dapat menyebut S)
	<i>ka?</i>	<i>dap</i>	“di dapur”

N K Prt:	<i>ayah</i>	<i>ota?lah</i>	“ayah bukalah”
----------	-------------	----------------	----------------

(f) Kes Tan K  
N  
P

WH K :	<i>apa ali</i>	“apa sudah jadi”
WH N :	<i>mana ayah</i>	
WH Pen:	<i>apa</i>	

(g) Kes Naf K (Prt): tak bunyikəh

Antara struktur di atas, kelihatan urutan pemerolehannya adalah seperti yang berikut:

5. (a) 17 bulan: N P : abang tu  
 (b) 18 bulan: NAF KK : tidak ada  
 (c) 19 bulan: N N : da? bebi  
                   K N : na? tutu  
                   N P : 'nak susu'  
                   N K : ayah tu  
                   bə : d aco? 'burung masuk'  
 (d) 20 bulan: K P : yoh ni  
                   'taruh ini'

(Yang lain daripada di atas menjadi mantap)

- (e) 21 bulan: K K : na? otak  
                   'nak buka'  
 (f) 22 bulan: WH N : mana ayah  
                   WH K : apa ali  
                   : (apa sudah jadi)  
                   NAF K : siapa buat  
                   : tak mau

(Yang lain menjadi mantap)

- (g) 23 bulan: N K.Prt : ayah otak?lah  
 (h) 24 bulan: Tidak ada yang baru  
 (g) 25 bulan: KD N : ka? cana  
 (h) 26 bulan: K K Prt : na? makankə

Secara ringkas perkembangannya daripada yang pivot (dua kata) kepada pivot yang diberi peluasan seperti partikel. Seterusnya konstruksi dalam bentuk N K hanya timbul pada usia 19 bulan, KK timbul pada usia 21 bulan, dan kata tanya (mana, siapa) serta kata nafi (tak) timbul mendahului N dan K apabila kanak-kanak berusia 22 bulan.

Kata tugas seperti partikel dan kata depan hanya mula timbul pada tingkat usia 25 hingga 26 bulan.

Antara enam kanak-kanak yang dikaji, Aizamin merupakan kanak-kanak yang terawal mengujar ujaran dua kata (17 bulan); diikuti oleh tiga kanak-kanak lain – Ubaid, Usaid dan Durar, 19 bulan, dan dua lagi (Nur, perempuan) dan (Zaki, lelaki) pada peringkat usia 20 bulan.

Kemunculan ujaran dua kata pada Aizamin (perempuan) pada 17 bulan mungkin ada kaitannya dengan persekitaran linguistiknya; iaitu data primer yang diterima di sekelilingnya. Keluarganya rajin bercakap kepadanya. Pada kes Nur, yang juga perempuan, hanya ada pembantu rumah yang tidak rajin bercakap. Keadaan ini membantutkan perkembangan bahasanya bagi ujaran dua kata. Dengan demikian, kelebihan perkembangan sintaksis pada peringkat ini sedikit banyak ditentukan oleh kuantiti data input yang diterima oleh kanak-kanak.

### **PEMEROLEHAN UJARAN TIGA KATA DAN LEBIH DARIPADA TIGA KATA**

Ujaran tiga kata mula muncul ketika kanak-kanak berumur 19 bulan (Durar, perempuan), 23 bulan (Aizamin, perempuan), 25 bulan (Zaki, lelaki), dan dua bulan (Nur, perempuan). Hanya pada dua kes, Ubaid dan Usaid (kanak-kanak kembar lelaki) ujaran tiga kata tidak muncul sehingga kini, walaupun usia mereka sudah menjangkau 24 bulan. Keadaan ini memang diduga kerana pada peringkat satu kata pun, bentuk kata yang diujar oleh kanak-kanak kembar ini merupakan bentuk kata mudah; iaitu bahagian kata akhir sahaja yang diujarnya. Bagi ujaran dua kata pun, hanya ada lima ujaran dua kata yang kesemuanya terdiri daripada bahagian kata: *ni bot* (ini sudah dicabut); *ni cah* (ini pecah), *mau tu* (mahu itu).

Daripada pemerhatian seperti ini, dapat dikatakan bahawa pada peringkat awal:

6. (a) Kanak-kanak perempuan mendahului lelaki.  
(b) Kanak-kanak dilahirkan ‘pramatang’ dan yang terdapat beberapa adik-beradik mendahului yang lain.  
(c) Kanak-kanak yang dilahirkan tunggal agak lebih cepat daripada yang dilahirkan kembar.

Satu pemerhatian lain ialah, ujaran tiga kata ini bertindanan dengan peringkat ujaran satu kata dan dua kata.

Sekarang kami bincangkan bentuk ujaran tiga kata dan kemudian diikuti

oleh proses perkembangan pemerolehan yang berlaku terhadap bentuk itu.

Struktur ujaran tiga kata adalah seperti yang berikut:

N K N	Tata nak ayah; Tata nak “out”; Abang nak ni.
N N Ks	Tol aki anam ‘Pistol Zaki jahanam.’
N N K	Air Jia (Nurshukriya) nak. ‘Nur hendak air.’
[Nama = nama; K = kerja; Ks = kata sifat]	

Ketiga-tiga struktur itu dapat diringkaskan menjadi:

FN – FKJ                   (Frasa nama diikuti oleh Frasa kerja)

Bagi kes N K N, ini ialah FN – FKJ; bagi kes N N Ks, ia juga berupa FN – FKJ, bagi kes N N Ks, ia juga berupa FN – FKJ kerana kata sifat ialah dalam golongan kata kerjaan (iaitu) golongan yang meliputi kata kerja tulen dan kata sifat, manakala N N K, ia merupakan transformasi daripada struktur asal Fn {K – N} yang frasa nama objeknya kelihatan telah dijadikan tajuk. Dengan demikian, pada peringkat yang awal ini pun, ada keterangan dan bukti tentang berlakunya proses transformasi pada ayat.

Satu data yang kami fikir agak menarik ialah fenomena pemerolehan yang ditunjukkan oleh dua kanak-kanak perempuan (Durar dan Aizamin) tentang proses transformasi. Transformasi yang ketara pada peringkat ini ialah pengguguran dan penyisipan.

#### A. Durar (22 bulan)

- |   |  |
|---|--|
| a. <i>Tata otak nak</i>   | Kakak (telah) buka,<br>ayah tutup balik  |
| b. <i>Tata otak itop</i>  | T (pengguguran):<br>serupa maksudnya dengan yang di atas   |
| c. <i>Itop (dengan penekanan)</i>   | T (pengguguran):<br>serupa maksudnya dengan yang di atas<br>T       =       Transformasi                             |
| d. <i>tangkap bola</i><br><i>tangkap bola</i><br><i>nak tangkap bola</i><br><i>pak cik nak</i><br><i>tangkap bola</i><br><i>pak cik nak</i><br><i>tangkap bola</i><br><i>tangkap bola</i> | ‘tangkap bola’<br>sama<br>T: penyisipan ‘nak’<br>T: penyisipan ‘pak cik nak’<br>sama<br>T: pengguguran ‘pak cik nak’ |

**B. Aizamin (23 bulan)**

- |                                    |  |
|------------------------------------|--|
| a. <i>nak ni</i><br>abang nak ni   | 'Hendak (yang) ini'<br>T: penyisipan 'abang' |
| b. <i>nak mai</i><br>abang nak mai | 'Hendak bermain'<br>T: penyisipan 'abang'    |

Data pada A dan B merupakan ujaran dalam satu ketika dalam satu situasi. Oleh itu proses transformasi yang diperhatikan merupakan keterangan dan bukti bahawa kanak-kanak bersifat inovatif dan kreatif; iaitu sentiasa menggubal dan menerapkan rumus. Dalam kes Aizamin, antara ujaran dua kata dengan tiga kata itu dapat juga dianggap sebagai fenomena perkembangan sintaksis dua kata kepada tiga kata dengan menggunakan sintaksis yang lain tanpa melibatkan apa-apa transformasi pun. Dapatkan ini mirip pemerhatian Brown dan Fraser (1964) yang menyatakan bahawa kanak-kanak sentiasa belajar dan membentuk "rumus konstruksi" seperti ini. Walau bagaimanapun, dalam kes yang dikaji ini hanya terdapat pada dua kanak-kanak perempuan. Pada dua kanak-kanak lain yang telah pun mengujar ujaran tiga kata, fenomena seperti ini belum terdapat lagi. Seterusnya, ujaran tiga kata masih belum timbul pada dua kanak-kanak lelaki kembar.

Pada satu kes perempuan (Durar), ujaran empat kata mula terdapat sejak berusia 22 bulan lagi. Ujaran seperti ini merupakan ulangan struktur N K (nama kerja):

<i>Pak cik uyis</i>	'Pak cik tulis	(23 bulan)
<i>Tata uyis</i>	'kakak tulis'	
<i>tata main</i>	'kakak main	(23 bulan)
<i>ayah main</i>	'ayah main'	

Data seperti ini menarik dari dua segi pemerhatian:

7. (a) Pengulangan ayat.
- (b) Ketiadaan kata hubung.

Dalam kes ini, Durar menunjukkan daya inovasinya dan kekreatifannya dalam transformasi pengulangan. Hal ini mungkin berlaku kerana Durar masih belum memperoleh kata hubung *dan*.

Seterusnya, Durar juga telah mula mengujar dua ujaran yang di dalamnya terdapat lima kata:

8. (a) *Kakak nak makan nacik goreng.*  
(kakak = subjek) (26 bulan)  
(b) *Tak mau, badan sakit toyeh.*

Pengajaran ayat (8a) merupakan kemajuan yang paling progresif jika dibandingkan dengan kemajuan kanak-kanak lain yang dikaji itu. Kemajuan ini progresif kerana konstruksi yang diujar itu ialah ayat berbentuk subjek-predikat yang lengkap dengan konstituenya.

## KESIMPULAN

Makalah ini melaporkan pemerhatian dan dapatan tentang satu projek kajian pemerolehan bahasa dalam kalangan enam orang kanak-kanak (tiga lelaki dan tiga perempuan) Melayu di Pulau Pinang antara usia 16 hingga 48 bulan. Oleh sebab ini merupakan bahagian awal kajian, laporan ini mencatat hanya data yang dikutip bagi 9 bulan pertama.

Diperhatikan bahawa ketika kanak-kanak berusia 16 hingga 20 bulan, kanak-kanak mula meninggalkan peringkat agahan lantas bermula pula pemerolehan ujaran satu kata. Dalam kes satu kata ini, kecenderungannya ialah mengujar suku kata akhir sahaja. Hal ini masih terus dapat diperhatikan sehingga kanak-kanak berusia 24 bulan terutamanya kanak-kanak kembar. Namun begitu, ujaran penuh bagi satu kata ada juga kelihatan bersama-sama dengan yang hanya diujar suku kata akhir pada kanak-kanak lain.

Pada keseluruhannya, yang mula-mula diperoleh kanak-kanak hanyalah beberapa kata isi (nama, kerja dan sifat) yang berkaitan dengan persekitaran kanak-kanak serta yang menarik mereka, kemudian diiringi beberapa kata tugas (kata penunjuk dan kata depan). Yang amat ketara pada peringkat satu kata ini ialah ketiadaan proses morfologi (pengimbuhan, pemajmukan dan pergandaan). Fenomena ini tidak ketara sehingga kanak-kanak tersebut berusia 24–26 bulan.

Ujaran dua kata pula ditinjau dari sudut perlakuan dan struktur. Sudut perlakuan mempunyai dua kemungkinan: Pertama mempunyai maksud sebagaimana yang dinyatakan dan kedua mempunyai maksud yang jauh lebih luas daripada yang diujar terutamanya pada ujaran dua kata yang berjeda.

Seterusnya, bagi kes ujaran dua dan tiga kata pula, didapati kanak-kanak yang diuji itu telah mula memperoleh kelas yang meliputi kategori N(ama), K(erja), S(ifat), Kd(kata depan), Tan (kata tanya), Naf (kata nafi) serta Prt (partikel). Pada beberapa kes, telah juga ada fenomena transformasi.

Bagi kes yang melebihi tiga ujaran, dua kanak-kanak mula menunjukkan proses transformasi pengguguran dan penyisipan. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak bersifat inovatif dan kreatif dalam pembinaan rumus. Ciri ini sejajar dengan pemerhatian Brown dan Fraser (1964) tentang rumus binaan.

## Biodata Ibu/Bapa Kanak-kanak

## Lampiran A

Subjek	Bahasa di rumah		Kekasihan ibu bapa		Kekasihan ibu bapa bersemasa dengan subjek	Pendidikan		Bahasa ibu bapa dengan subjek		Bahasa ibu bapa dengan ahli keluarga	Pekerjaan	
	Utama	Tak Utama	Cukup banyak	Tidak cukup banyak		Ibu	Bapa	Pendek, Perlahan dan berulang-ulang	Perjang cepat & tidak berulang-ulang		Ibu	Bapa
DURAR (Perempuan)	B.M.	-	✓		Selepas waktu pejabat dan masa cuti	B.A. (Hons)	B.Sc. (Hons)	✓		Tiada	Penolong Pendaftar	Juru Analisa Sistem
NUR (Perempuan)	B.M.	-	✓		Selepas waktu pejabat dan masa cuti	M.B.B.S.	Ph.D	✓		Tiada	Doktor Perubatan	Pensyarah
AIZAMIN (Perempuan)	B.M.	B.I.	✓		Selepas waktu pejabat dan masa cuti	S.P.M	B.Soc (Hons)	✓		Bahasa Malaysia + sedikit bahasa Inggeris	Kerani Akaun	Ketua Penolong Pendaftar
ZAKI (Lelaki)	B.M.	-	✓		Selepas waktu pejabat dan masa cuti	S.P.M.	B.A (Hons)	✓		Bahasa Malaysia	Jurutaip	Guru
UBAID (Lelaki)	B.M.	-	✓		Selepas waktu pejabat dan masa cuti	B.Sc. (Hons)	B.A. (Hons)	✓		Tiada	Suri Rumah Tangga	Pegawai Tadbir
USAID (Lelaki)	B.M.	-	✓		Selepas waktu pejabat dan masa cuti	B.Sc. (Hons)	B.A. (Hons)	✓		Tiada	Suri Rumah Tangga	Pegawai Tadbir

## Biodata Kanak-kanak

**Lampiran B**

Subjek	Umar semasa per-yoldil-an bermain	Tempat Tinggal		Tadika	Persei datang ke tempat (odd-bermain)	Pergaulan		Perjayaan dan pergaulan semasa ibu bapa bekerja	Bilat semasa jadi subjek		Bilat-silat lain	Kawan-kawan sekorang jiran
		Bandar	Kg			Jiran	Tempat bermain		Pemalu	Sukien Pemalu		
D (Perempuan)	19 bulan	Bandar	✓	1/1	Ya	1. Rumah 2. Perkarangan rumah	Di bawah jagaan jiran sehingga umur 27 bulan	-	✓	-	Dilahirkan 'pre-mature'	Tiada
N (Perempuan)	18 bulan	Kampung (sehingga umur 12 bulan) Bandar	X	1/1	Tak	1. Rumah 2. Perkarangan rumah	Pembantu rumah j (Pendidikan hingga tingkatan enam)	-	✓	-	-	Tiada
A (Perempuan)	16 bulan	Bandar	✓	4/4	Tak	1. Rumah 2. Perkarangan rumah	X	-	✓	-	-	Tiada
Z (Lelaki)	16 bulan	Kampung	X	1/1	Tak	1. Rumah 2. Perkarangan rumah	1. Datuk 2. Nenek 3. Kakak/abang ibu bapa subjek 4. Sepupu subjek	✓	-	-	-	Tiada
B (Lelaki)	16 bulan	Bandar	X	2/3	Tak	1. Rumah 2. Perkarangan rumah	Ibu	-	✓	Kembar	Tiada	
S (Lelaki)	16 bulan	Bandar	X	3/3	Tak	1. Rumah 2. Perkarangan rumah	Ibu	✓	-	Kembar	Tiada	

✓ = Ya ; X = Tidak

D = Duran

N = Nur

A = Aizamin

Z = Zaki

B = Ubaid

S = Usaid

## RUJUKAN

- Brown, Roger dan Fraser C. "The Acquisition of Syntax", dlm. Bellugi dan Brown (editor). *The Acquisition of Language*, Chicago: The University of Chicago Press (1964).
- Cairns, H.S., dan Cairns C.E., 1976. *Psycholinguistics: A Cognitive View of Language*: New York: Holt, Rinehart dan Winston.
- Chomsky, Noam, 1965. *Aspects of The Theory of Syntax*. Cambridge: Mass. The MIT Press.
- Chomsky, Noam, 1975. "Recent Contributions to The Theory of Innate Ideas", dlm. *Innate Ideas*, S.P. Stich (ed.), University of California.
- Halliday, Michael, 1989. "Notes from A Paper Given at the Language Learning Seminar".
- Kess, J.F., 1976. *Psycholinguistics*. New York: Academic Press.
- McCarthy D., 1954. "Language Development in Children", dlm. L. Carmichael (ed.) *Manual of Child Psychology*. (Edisi kedua) Wiley.
- Miller, W., dan Ervin, S. "The Development of Grammar in Child Language", dlm. Bellugi dan Brown (editor). *The Acquisition of Language*, Ursula Bellugi dan Roger Brown ed., Chicago: the University of Chicago Press, (1964).
- Piaget, J., 1952. *The Origin of Intelligence in Children*. New York: International Universities Press.
- Reich, P.A., 1986. *Language Development*. New Jersey: Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Slobin, D.I., 1971. *The Ontogenesis of Grammar*. New York: Academic Press.
- Smith, M.E., 1926. "An Investigation of the Development of the Sentence and the Extent of Vocabulary in Young Children". Iowa: University of Iowa Studies in Child Welfare, 3, No. 5.
- Vygotsky, L.S., 1962. *Thought and Language*. Cambridge, Mass/New York: MIT Press and Wiley.